

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

AMU402: Pengurusan Barang

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan No. 1 dan No. 2 adalah WAJIB. Pilih DUA soalan lagi daripada soalan-soalan lain.

1. Anda telah dilantik ke jawatan Pengurus Jenama, Syarikat Zaiton Industri (M) Sdn. Bhd. Pengurus Besar anda telah meminta anda merancang serta membentuk satu jenama baru krim muka untuk menandingi produk yang sama keluaran Syarikat Avon Kosmetik. Bincangkan langkah-langkah yang perlu anda ambil sebelum jenama krim muka keluaran Syarikat Zaiton dapat diniagakan.

(30 markah)

2. Pengurusan Portfolio merupakan satu kaedah penting di dalam perancangan strategi pemasaran. Dengan berpandukan kefahaman anda tentang konsep ini, bincangkan bagaimana ianya dapat digunakan di dalam proses perancangan produk secara lebih strategik.

(30 markah) 7

...2/-

[AMU 402]

Soalan Pilihan (Pilih dan jawab dua soalan sahaja)

3. Di dalam proses pembentukan dan perancangan produk, ianya memerlukan jalinan hubungan ide-ide individu-individu serta jabatan-jabatan samada ianya berada di luar ataupun di dalam firma. Bincangkan bagaimana jalinan ide-ide ini dapat diselaraskan supaya produk baru dapat dibentuk dan dipasarkan. Beri dua contoh penyelarasian yang sesuai.

(20 markah)

4. Proses Pengurusan Produk melibatkan kaedah innovasi. Secara terperinci dan dengan mengemukakan contoh-contoh pemasaran yang sesuai bagi menyokong hujah anda, bincangkan maksud kaedah innovasi ini dan kemukakan faktor-faktor yang mendorong para pengusaha melakukan proses ini.

(20 markah)

5. (a) Dengan bantuan gambarajah yang anda pelajari di dalam kuliah, bincangkan bagaimana proses merekabentuk produk baru itu dapat dilaksanakan.

- (b) Sistem saluran pemasaran yang baru dapat menggerakkan semula pertumbuhan produk apabila ianya telah mencapai tahap matang di dalam litar pusingan hayatnya. Bincangkan kebenaran pernyataan ini.

(20 markah)

- oooOooo -